

PELAJAR SEKOLAH MENENGAH SAINS JOHOR JOHAN AGROXRACE



MOHD. Ali Rustam (tengah) dan Nordin Abdul Malek bersama para pemenang Pertandingan AgroXRace anjuran akhbar *Utusan Melayu Mingguan* dan Institut Skill-Tech di Durian Tunggal, Melaka, kelmarin.

400 pelajar sertai AgroXRace *Utusan Melayu Mingguan*

ALOR GAJAH 22 Nov. – Pertandingan AgroXRace anjuran akhbar *Utusan Melayu Mingguan* dan Institut Skill-Tech (Skill-Tech) di sini berjaya menarik kira-kira 400 penyertaan daripada pelajar sekolah menengah antaranya dari Johor, Negeri Sembilan, Selangor dan Kuala Lumpur.

Pertandingan tersebut merupakan komponen kedua penganjuran Pertandingan Seni Jawi Nusantara yang berlangsung sepanjang September lalu dan disertai 6,000 pelajar dari seluruh negara.

Berlangsung di Institut Skill Tech, Durian Tunggal di sini, pertandingan AgroXRace yang julung kali diadakan tahun ini berkonsepkan pencarian harta karun berasaskan produk pertanian dengan berpandukan tulisan jawi.

Selain bertujuan mengisi cuti persekolahan pelajar, pertandingan itu turut menekankan ketahanan minda dan fizikal pelajar serta memantapkan semangat berkumpulan di kalangan mereka.

Empat pelajar terbahagi kepada 80

kumpulan dan perlu mengatasi rintangan 10 kawasan dengan berpandukan tugas dalam tulisan jawi yang berkaitan aktiviti pertanian seperti memindahkan ikan, membentuk origami haiwan, menjeja nama haiwan dan makan sayur peria.

Pada pertandingan itu, Kumpulan Al-Ehsan berjaya merangkul tempat pertama dengan catatan masa sejam 32 minit mengatasi Kumpulan Prihatin dengan masa satu jam 33 minit manakala tempat ketiga iaitu Islamic Desa dengan masa satu jam 50 minit.

Kumpulan Al-Ehsan membawa pulang wang tunai RM2,000 dan hamper manakala tempat kedua wang tunai RM1,500, hamper dan tempat ketiga menerima wang tunai RM1,000 dan hamper.

Selain itu, 17 pasukan lain menerima hadiah sagu hati berupa hamper manakala sembilan kumpulan lain turut menerima hadiah khas yang disediakan oleh pihak penganjur.

Semua hadiah disampaikan oleh

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam dengan diiringi Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Othman Mohamad; Pengerusi Eksekutif Institut Skill-Tech, Nordin Abdul Malek dan Pengarang *Utusan Melayu Mingguan*, Mohd. Kamil Yusuff.

Sepanjang program berlangsung, pelbagai aktiviti menarik turut disediakan bagi memeriahkan acara sehari itu antaranya jualan gerai buah-buahan, demonstrasi mencipta produk makanan berasaskan bahan agro, pertandingan kanak-kanak, pameran pertanian dan demonstrasi rawatan rambut.

Sementara itu menurut Nordin, pihaknya tidak menyangka penganjuran AgroXRace bersama akhbar *Utusan* mendapat sambutan amat menggalakkan apabila 800 penyertaan diterima di peringkat awal.

Bagaimanapun, katanya, sebahagian penyertaan terpaksa ditolak memandangkan kapasiti Institut Skill-Tech yang seluas kira-kira 13 hektar hanya mampu menampung penyertaan seramai 400 pelajar.

SENARAI NAMA PELAJAR SM SAINS JOHOR YANG MENDAPAT JOHAN

AZIZUL BIN SAHMAN – 4 SAINS 1

NOOR AWIS BIN KAMSANI - 4 SAINS 1

MOHD. FITRI BIN ABU BAKAR – 4 SAINS 3

MUHD ALIF AIMAN BIN ABD. GHANI – 4 TEKNIKAL 1